

DATE: 3 / 10 / 2010

Agenda utama MBE Lindungi Melayu

BM - 3 / 10 / 2010

KUALA LUMPUR: Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam memberi jaminan pencapaian orang Melayu dan Bumiputera tetap menjadi agenda utama kerajaan dalam pembentukan Model Baru Ekonomi (MBE).

Malah, Timbalan Perdana Menteri berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak sudah menegaskan MBE akan melindungi agenda Melayu serta mengekalkan dasar afirmatif bumiputera.

"Kita sudah pun mengadakan rumah terbuka untuk memberi peluang kepada masyarakat sama-sama melihat dengan lebih dekat apa yang terkandung dalam 12 Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

"Ini penting kerana ia dihasilkan makmal yang dibentuk kerajaan untuk menilai bidang-bidang yang boleh memacu ekonomi negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi menjelang 2020.

"Oleh itu, saya meminta pengusaha Bumiputera berganding bahu dan mengangapnya sebagai peluang dan bukannya cabaran yang seharusnya boleh kita teliti se-



MUHYIDDIN bersalam dengan Syed Ali pada majlis Mesra Aidilfitri anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

cara dekat bagaimana Bumiputera boleh terbabit secara aktif dalam sektor yang sudah dikenal pasti," katanya berucap pada majlis Mesra Aidilfitri anjuran Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) di sini, semalam.

Hadir sama, Presiden Dewan Perniagaan Melayu Ma-

laysia (DPMM) Syed Ali Alatas, Timbalan Menteri Luar Senator A Kohilan Piliy dan veteran UMNO, Tan Sri Sabbaruddin Chik.

Muhyiddin turut juga memuji usaha DPMM menubuhkan makmal agenda Melayu yang boleh membantu kerajaan menarik lebih banyak

penyertaan Melayu dan Bumiputera dalam bidang ekonomi.

Katanya, penubuhan makmal itu menjadi satu inisiatif kepada DPMM untuk mengenal pasti cabang ekonomi dan cara pengusaha Bumiputera dapat mengambil bahagian dengan cara berkesan.